

**Enjoy the
comforts of home**

**Protect
your prized
possessions**

Underwritten by:

eTiQa
Insurance

**Humanising
Financial Services.**



Maybank

MaxiHome Contents

We think of home as being a secure haven. A place we can return to after a long day at work, or after being away on holiday - and most of the time it is. However, in reality, our home can be subjected to a whole series of disasters; natural and intentional, like flooding, lightning strike or even a burglary. And while you cannot always prevent these disasters from taking place, you can certainly protect yourself from the financial burden incurred in getting your home back to being a home.

An affordable insurance plan, MaxiHome provides 24 hour coverage all year round in the event of loss or damage to your home contents as well as personal liability protection to cover any guests you may have.

Benefits

Maxihome Content's wide range of coverage includes:

Theft

Loss of or damage to property including personal money kept at home caused by theft.

Natural Disasters

Loss of or damage to property as a result of:

- Lightning and thunderbolt⁵
- Hurricane, cyclone, typhoon and windstorm¹
- Earthquake and volcanic eruption¹
- Flood¹
- Subsidence or landslip³

Loss or Damage

Loss of or damage to property as a result of:

- Fire and explosion
- Bursting or overflowing domestic water tanks, apparatus or pipes¹
- Falling aerial devices or aircraft
- Impact by road vehicles²
- Riot, strike and civil commotion
- Malicious persons and vandals¹

Accidental damage against specified risks to:

- Electrical and electronic appliances in your home⁴
- Mirrors, plate glass and fixed glass in furniture⁴

In the event of loss or damage occurred, the following excess will apply:

¹The first RM250 is not covered.

²The first RM250 is not covered in respect of impact by road vehicle belonging to or under the control of the Insured.

³The first 5% of Sum Insured, subject to a maximum of RM25,000.

⁴The first RM200 is not covered.

⁵The first RM5,000 is not covered.

Personal Liability

Indemnifies you against legal liabilities in the event you accidentally cause injury or property damage to others.

Eligibility

For houses classified as type Class 1A construction, ie. brick/concrete walls and roofed with tiles/concrete. Applicable for landed houses, flats, condominiums and apartments of private dwelling only.

Premium

Table of annual premium based on Total Home Contents Value:

Total Home Contents (RM)	Personal Money (RM)	Personal Liability (RM)	Yearly Premium (RM)
30,000	750.00	250,000.00	253.80
40,000	1,000.00	250,000.00	330.12
50,000	1,500.00	250,000.00	406.44
60,000	1,500.00	250,000.00	482.76
70,000	1,750.00	250,000.00	559.08
80,000	1,750.00	250,000.00	635.40
90,000	2,000.00	250,000.00	711.72
100,000	2,000.00	250,000.00	788.04
110,000	2,000.00	250,000.00	864.36
120,000	2,000.00	250,000.00	940.68
130,000	2,000.00	250,000.00	1017.00

140,000	2,000.00	250,000.00	1093.32
150,000	2,000.00	250,000.00	1169.64

Make sure you choose the Total Home Contents Value that reflects the true value of your contents so that you will be adequately compensated when you make a claim.

Note: The premium above is inclusive of 6% Goods & Services Tax (GST) and RM10.00 stamp duty.

Frequently Asked Questions

1. Does this plan cover jewellery?

Yes, but the total value of jewellery or valuables shall not exceed one third of the selected sum insured. For example, if you have RM60,000 coverage, you will be able to make claims of up to RM20,000 for jewellery.

2. How is MaxiHome Contents different from other home insurance products?

MaxiHome Contents offers a comprehensive coverage which insures your personal belongings against accidental damage or loss. Not only that, it also covers damages and defence costs in respect of accidental death or bodily injury to any person (excluding family members residing with you) or accidental damage to third party's property caused by personal negligence within Malaysia.

3. RM5,000 cash was stolen from my house due to forcible and violent entry. Will MaxiHome Contents cover this?

Yes. MaxiHome Contents will cover for the amount lost up to RM2,000 depending on your selected Home Contents Value.

4. Someone used a master key to enter my house and some items were stolen. Is this claimable?

This policy is subject to theft through forcible and violent entry or exit only. Losses without proof of forcible and violent entry or exit are not claimable.

5. Will I need to declare my household contents when I sign up for this policy?

You are not required to declare your household contents if you are agreeable with the sum insured based on rating criteria assisted by the Personal Financial Assistant (PFA).

6. How do I make a claim?

Please contact our Claims Assist personnel at **1300 88 1007** or email at **claims@etiqua.com.my** for assistance.

Exclusions

MaxiHome Contents does not cover:

1. Theft without any sign of break-in (forcible entry or exit);
2. Theft by domestic servant;
3. Your home if left vacant for more than 90 days;
4. War, terrorism, radioactive contamination and sonic bangs;
5. The excess amount imposed as stated in the policy Contract.

This list is non-exhaustive. Please refer to the policy Contract or Product Disclosure Sheet (PDS) for the full list of exclusions.

Useful Tips

- Always make sure all electrical appliances are switched off and plugged out before leaving the house.
- Regularly check wiring and electrical units for exposed wire or leakage.
- Ensure all doors and windows are locked before you leave the house.
- Inform neighbours or loved ones if you plan to go on a trip (in order to look after the house while you are away).

Call **1300 88 6688**, visit any Maybank branch or log on to **www.maybank2u.com.my** for more details, terms and conditions.

This plan is underwritten by Etiqa General Insurance Berhad (9557-T) formerly known as Etiqa Insurance Berhad, a subsidiary of Malayan Banking Berhad (3813-K). Etiqa General Insurance Berhad is licensed under Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia. Etiqa General Insurance Berhad is located at Dataran Maybank, No. 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur. This plan is distributed by Malayan Banking Berhad (3813-K) and the headquarters is located at Menara Maybank, 100 Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur.

Disclaimer: This brochure provides a brief description and is not exhaustive. It is for reference only. For more details, please refer to the policy Contract or Product Disclosure Sheet (PDS). Terms and conditions apply.

**Kesejahteraan
abadi bermula
di rumah**

**Lindungi
pelaburan
terbesar
anda**



MaxiHome Contents

Kita selalu beranggapan rumah sebagai tempat untuk berlindung yang selamat. Ianya tempat yang kita kembali pulang setelah seharian bekerja atau selepas pergi bercuti - dan itulah apa yang dilakukan selalunya. Walau bagaimanapun, pada hakikatnya, rumah kita boleh terdedah kepada beberapa siri kejadian bencana, samada secara semulajadi atau dengan sengaja, seperti banjir, di sambar petir atau berlaku kecurian. Bukannya selalu anda boleh menghalang bencana sedemikian daripada berlaku, namun anda pasti boleh melindungi diri anda daripada beban kewangan yang ditanggung untuk membetulkan semula rumah anda agar kembali menjadi kediaman yang indah.

Pelan insurans MaxiHome yang mampu milik ini menyediakan perlindungan 24 jam sepanjang tahun sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan kepada isi kandungan rumah anda serta perlindungan liabiliti peribadi untuk melindungi tetamu yang mengunjungi rumah anda.

Manfaat

Perlindungan MaxiHome Contents yang meluas adalah termasuk:

Kecurian

Kerugian atau kerosakan harta benda, termasuk wang peribadi yang disimpan di rumah akibat daripada kecurian.

Bencana Alam

Kerugian atau kerosakan harta benda akibat daripada:

- Kilat dan petir⁵
- Puting beliung, siklon, taufan dan angin ribut¹
- Gempa bumi dan letupan gunung berapi¹
- Banjir¹
- Penenggelaman tanah atau tanah runtuh³

Kehilangan atau Kerosakan

Kerugian atau kerosakan harta benda akibat daripada:

- Kebakaran dan letupan
- Pecahan atau limpahan tangki air, peralatan atau paip air rumah¹
- Kejatuhan sebarang peralatan udara atau pesawat udara
- Rempuhan kenderaan jalanraya²
- Rusuhan, mogok dan kekecohan awam yang mengganggu ketenteraman awam
- Perbuatan individu yang berniat jahat dan vandalism¹

Kerosakan yang tidak disengajakan akibat risiko yang dinyatakan khusus kepada:

- Barangan elektrik dan elektronik dalam rumah anda⁴
- Cermin, kepingan kaca dan perabot berkaca⁴

Sekiranya kerugian atau kerosakan berlaku, lebihan berikut akan terpakai:

¹RM250 yang pertama tidak dilindungi.

²RM250 yang pertama tidak dilindungi yang berkaitan dengan pelanggaran oleh kenderaan darat yang dimiliki atau di bawah kawalan Orang yang Diinsuranskan.

³5% yang pertama dari Jumlah yang Diinsuranskan tertakluk kepada maksimum sebanyak RM25,000.

⁴RM200 yang pertama tidak dilindungi.

⁵RM5,000 yang pertama tidak dilindungi.

Liabiliti Peribadi

Membayar ganti rugi terhadap liabiliti yang dipertanggungjawabkan mengikut undang-undang jika anda dengan tidak sengaja menyebabkan kecederaan atau kerosakan harta orang lain.

Kelayakan

Untuk rumah yang diklasifikasikan sebagai jenis pembinaan Kelas 1A iaitu diperbuat daripada dinding batu bata/konkrit dan berbumbung genting/konkrit. Ia adalah tertakluk kepada rumah bertanah, rumah pangsa, kondominium dan pangsapuri yang digunakan untuk tujuan kediaman persendirian sahaja.

Premium

Jadual premium tahunan adalah berdasarkan kepada Jumlah Nilai Isi Kandungan Rumah:

Jumlah Nilai Isi Kandungan Rumah (RM)	Wang Peribadi (RM)	Had Liabiliti Peribadi (RM)	Premium Tahunan (RM)
30,000	750.00	250,000.00	253.80
40,000	1,000.00	250,000.00	330.12
50,000	1,500.00	250,000.00	406.44
60,000	1,500.00	250,000.00	482.76
70,000	1,750.00	250,000.00	559.08

80,000	1,750.00	250,000.00	635.40
90,000	2,000.00	250,000.00	711.72
100,000	2,000.00	250,000.00	788.04
110,000	2,000.00	250,000.00	864.36
120,000	2,000.00	250,000.00	940.68
130,000	2,000.00	250,000.00	1017.00
140,000	2,000.00	250,000.00	1093.32
150,000	2,000.00	250,000.00	1169.64

Pastikan anda memilih Jumlah Nilai Isi kandungan Rumah yang mencerminkan nilai sebenar isi kandungan rumah anda agar anda akan mendapat bayaran pampasan yang secukupnya apabila anda membuat tuntutan kelak.

Nota: Premium di atas adalah termasuk 6% Cukai Barangan & Perkhidmatan (GST) dan RM10.00 duti setem.

Soalan-soalan Lazim

1. Adakah pelan ini melindungi barang kemas?

Ya, tetapi jumlah nilai barang kemas atau barang berharga tidak akan melebihi satu pertiga daripada jumlah yang diinsuranskan yang dipilih. Sebagai contoh, jika perlindungan anda ialah RM60,000, anda akan hanya dapat membuat tuntutan sehingga RM20,000 bagi barang kemas.

2. Bagaimana MaxiHome Contents berbeza dari produk insurans isi rumah yang lain?

MaxiHome Contents menawarkan perlindungan komprehensif yang melindungi barangan peribadi anda daripada kerosakan yang tidak disengajakan atau kehilangan. Bukan itu sahaja, ia juga merangkumi ganti rugi dan kos pembelaan diri yang berhubung dengan kematian atau kecederaan anggota ke atas seseorang (tidak termasuk ahli keluarga yang tinggal bersama anda) atau kerosakan kepada harta benda pihak ketiga yang disebabkan oleh kecuaiannya secara peribadi yang berlaku dalam Malaysia.

3. Wang tunai RM5,000 telah dicuri daripada rumah saya yang telah dipecah masuk menggunakan kekerasan dan keganasan. Adakah MaxiHome Contents melindunginya?

Ya. MaxiHome Contents akan melindungi kehilangan wang sehingga RM2,000 bergantung kepada Jumlah Nilai Isi Kandungan Rumah yang anda pilih.

4. Seseorang telah menggunakan kunci induk untuk memasuki rumah saya dan beberapa barangan telah dicuri. Adakah kerugian ini boleh dituntut?

Polisi ini adalah tertakluk kepada kecurian yang disertai dengan pecah masuk dan keluar rumah menggunakan kekerasan atau keganasan sahaja. Kerugian yang dialami tanpa bukti pemecahan masuk atau keluar dengan menggunakan kekerasan dan keganasan tidak dilindungi di bawah polisi ini dan tidak boleh dituntut.

5. Adakah saya perlu mengisytiharkan kandungan isi rumah saya apabila saya mendaftar untuk polisi ini?

Anda tidak dikehendaki untuk mengisytiharkan kandungan isi rumah anda jika anda bersetuju dengan jumlah yang diinsuranskan berdasarkan kepada kriteria pengkadaran yang dinilai oleh Penasihat Kewangan Peribadi (PFA).

6. Bagaimanakah caranya untuk membuat tuntutan?

Sila hubungi kakitangan Bantuan Tuntutan kami di talian **1300 88 1007** atau emel kepada **claims@etiqua.com.my** untuk bantuan.

Pengecualian

MaxiHome Contents tidak melindungi:

1. Kecurian tanpa tanda-tanda pecah masuk (masuk atau keluar rumah tanpa kekerasan);
2. Kecurian oleh pembantu rumah;
3. Rumah anda ditinggalkan kosong tanpa penghuni lebih daripada 90 hari;
4. Peperangan, tindakan keganasan, pencemaran radioaktif dan letupan sonik;
5. Amaun lebihan yang dikenakan seperti dinyatakan dalam Kontrak polisi.

Pengecualian tersebut di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada Kontrak polisi atau Helaian Pendedahan Produk untuk senarai lengkap bagi pengecualian.

Tips Berguna

- Sentiasa pastikan semua peralatan elektrik dipadamkan dan dicabutkan dari soket elektrik sebelum meninggalkan rumah.
- Sentiasa periksa pendawaian dan unit-unit elektrik untuk wayar terdedah atau kebocoran.
- Pastikan semua pintu dan tingkap telah berkunci sebelum anda meninggalkan rumah.
- Maklumkan kepada jiran atau orang yang tersayang sekiranya anda merancang untuk pergi bercuti (agar rumah anda dijaga semasa anda tiada).

Hubungi **1 300 88 6688**, kunjungi mana-mana cawangan Maybank atau layari **www.maybank2u.com.my** untuk maklumat lanjut, terma-terma dan syarat-syarat.

Pelan ini adalah diunderait oleh Etiqa General Insurance Berhad (9557-T) dahulu dikenali sebagai Etiqa Insurance Berhad, sebuah subsidiari Malayan Banking Berhad (3813-K). Etiqa General Insurance Berhad adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Etiqa General Insurance Berhad adalah berlokasi di Dataran Maybank, No. 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur. Pelan ini diedarkan oleh Malayan Banking Berhad (3813-K) dan ibu pejabat berlokasi di Menara Maybank, 100 Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur.

Penafian: Brosur ini menyediakan maklumat ringkas yang tidak lengkap. Ia adalah semata-mata untuk rujukan sahaja. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada Kontrak polisi atau Helaian Pendedahan Produk. Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat.

